

40 PERATUS RAKYAT GUNA PENGANGKUTAN AWAM

SHAH ALAM – Kerajaan yakin sasaran sebanyak 40 peratus nisbah mod pengangkutan awam dalam program Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang (GKL/KV) berjaya dicapai menjelang tahun 2030.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, ini berikutan pelbagai projek seperti perkembangan perkhidmatan rel seperti Transit Aliran Massa (MRT) dan projek sambungan Transit Aliran Ringan (LRT) yang dilaksanakan sepanjang tahun lalu.

“Selain itu, langkah-langkah untuk menambah baik perkhidmatan bas dan transformasi industri teksi yang sedang dilaksanakan menambah keyakinan kerajaan bahawa sasaran itu berjaya dicapai,” katanya dalam Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan 2016 yang dilancarkan di sini semalam.

Tiong Lai berkata, pengangkutan awam bandar telah membuka satu era baharu tahun lalu apabila fasa pertama MRT laluan 1 dari Sungai Buloh, Selangor ke Semantan, Kuala Lumpur dibuka kepada orang ramai bermula 16 Disember tahun lalu.

Katanya, sebanyak RM106.5 juta telah dibelanjakan bagi meningkatkan kesalinghubungan dan kebolehcapaian pengangkutan awam dalam kawasan Greter KL/KV, memperbaiki kapasiti rangkaian dan meningkatkan kepuasan pelanggan secara menyeluruh.

Menurut Tiong lai, usaha kerajaan untuk meningkatkan rankaian pengangkutan awam bandar menambah baik kualiti kehidupan rakyat sekali gus membolehkan mereka mengelakkan diri daripada menghabiskan masa dalam kesesakan lalu lintas selain menjimatkan kos perjalanan.

“Tahun 2016 menandakan tahun pertama operasi bagi Bas Rapid Transit laluan Sunway, Petaling Jaya yang memberikan perkhidmatan 500,000 penduduk bandar itu dan Subang Jaya. “Laluan sepanjang 5.4 kilometer itu melalui tujuh stesen merekodkan penyediaan perkhidmatan kepada 6,000 penumpang setiap hari iaitu 50 peratus lebih ramai berbanding tahun sebelumnya,’ jelas beliau.

SUMBER : KOSMO | M/S: 9 | 24 MEI 2017